

200 tetamu hadir di majlis berbuka puasa UMS Kampus Labuan

NST 25/08/2011 9

Majlis berbuka puasa
UMS Kampus Antarabangsa Labuan
Pena Naib Canselor UMS
22 Ogos 2011



KENANGAN... Dr Kamaruzaman (kiri) menerima cenderamata daripada Dr Shariff sambil diperhatikan oleh Abdullah (kanan).

LABUAN : Kira-kira 200 tetamu menghadiri majlis berbuka puasa warga Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) bersama Naib Canselor UMS di Hotel Grand Dorsett, Isnin baru-baru ini.

Tetamu kehormat pada majlis itu ialah Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon dan isteri, Prof Datin Seri Panglima Dr Ann Anton.

Turut hadir Pendaftar UMS, Abdullah Mohd Said dan Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj. Pada majlis itu, seramai 10 kakitangan UMS-KAL menerima duit raya daripada Dr Kamaruzaman.

Dr Kamaruzaman juga menyampaikan cenderamata kepada tetamu daripada Jabatan Penerangan, Jabatan Agama Islam, Ja-

batan Imigresen dan Jabatan Bomba yang turut menghadiri majlis berbuka itu. Hadir sama pegawai utama UMS, pegawai kanan, penyarah dan kakitangan sokongan UMS-KAL.

Dalam ucapannya, Dr Kamaruzaman mahu semua warga UMS bekerja dalam satu pasukan untuk memastikan UMS terus menempa kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Katanya, kerjasama semua pegawai utama, pegawai kanan, penyarah dan kakitangan sokongan sangat diperlukan agar lebih ramai generasi muda mampu dilahirkan oleh universiti itu.

Beliau juga meminta warga UMS melaksanakan langkah penjimatan utiliti supaya lebih banyak projek pembangunan untuk pelajar dan kakitangan dapat dilaksanakan sama ada di Kampus Induk di Kota

Kinabalu mahupun di Kampus Labuan.

"Semua warga UMS mesti bergerak dari sekarang bagi memastikan kejayaan yang lebih cemerlang mampu dicapai dalam pelbagai bidang sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Dr Shariff berkata beberapa projek pembangunan sedang dan akan dilaksanakan di UMS Labuan termasuk dewan kuliah pusat, perpustakaan, asrama penginapan dan kemudahan teknologi maklumat.

Pada majlis itu, Dr Shariff turut mengucapkan terima kasih kepada pengurusan UMS kerana melanjutkan tempoh jawatannya selama dua tahun bermula 1 September 2011 hingga 31 Ogos 2013. **-OLEH JAINUDDIN DJIMIN (jainuddin@newsabahtimes.com.my)**